

Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Title : MAJLIS PEMBUKAAN RASMI WISMA PANDU PUTERI  
Location : WISMA PANDU PUTERI, PULAU PINANG  
Date : 20-02-1982

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Pandu Puteri Pulau Pinang kerana telah menjemput saya ke majlis ini dan memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Wisma Pandu Puteri Pulau Pinang.

2. Hari ini adalah hari yang bersejarah bagi semua ahli Persatuan Pandu Puteri, Pulau Pinang. Kejayaan Persatuan mendirikan sebuah bangunan Ibu Pejabatnya yang indah ini yang menelan belanja sebanyak LIMA RATUS RIBU RINGGIT (\$500,000/-) adalah hasil usaha dan titikpeluh setiap ahli.

Di samping menjadi satu kebanggaan, bangunan ini juga adalah menjadi lambang perpaduan dan kejayaan Persatuan dan ahli-ahlinya. Pada hari ini, objektif Persatuan melancarkan kempen pungutan wang sejak beberapa tahun yang lalu telah menjadi kenyataan. Bagi kita, pengajaran yang penting di sini ialah dengan usaha dan ketekunan kita pasti akan mencapai kejayaan.

3. Bangunan Ibu Pejabat Persatuan ini tidak akan memberi makna sekiranya ia tidak digunakan sepenuhnya dan dengan cara yang berfaedah. Bangunan ini boleh dijadikan pusat untuk melaksanakan berbagai-bagai kegiatan mengikut kebijaksanaan dan pertimbangan Persatuan. Saya percaya Persatuan Pandu Puteri Pulau Pinang akan terus berusaha dengan lebih tekun lagi untuk meningkatkan mutu kepanduan di negeri ini khususnya, dan di seluruh negara amnya. Saya merasa yakin bahawa wujudnya bangunan sendiri ini akan membolehkan Persatuan untuk bergerak dengan lebih cergas lagi.

4. Persatuan Pandu Puteri dan kegiatan-kegiatan yang dianjurkannya tidak lagi merupakan perkara yang asing kepada masyarakat kita. Persatuan sentiasa mengambil bahagian di dalam kerja-kerja amal dan kebajikan. Melalui kegiatannya, Persatuan dapat mendidik anak-anak kita supaya menjadi anggota masyarakat yang bertanggungjawab dan berdisiplin. Melalui penglibatan di dalam persatuan-persatuan seperti ini, anak-anak kita akan mempunyai kegiatan-kegiatan yang berfaedah bukan sahaja bagi mengisi masa tetapi juga untuk membina perkembangan dan kemajuan rohani dan jasmani. Dengan cara ini mereka akan terhindar dari pengaruh gejala yang tidak sihat dan merosakkan.

5. Pemimpin-pemimpin Persatuan Pandu Puteri mempunyai tanggungjawab dan peranan yang penting. Dengan bimbingan dan kepanduan yang bermutu, mereka dapat sama-sama berganding bahu dengan Kerajaan dalam usaha-usaha membentuk masyarakat Malaysia yang sihat dan bersatu-padu. Kita harus sedar bahawa negara kita yang berbilang kaum ini memerlukan berbagai aktiviti yang dapat membawa anak-anak kita daripada berbagai keturunan di dalam satu suasana yang dapat memupuk persefahaman dan kerjasama. Kepanduan adalah salah satu daripada aktiviti yang dapat memenuhi kehendak ini dan harus diberi sokongan oleh segenap lapisan masyarakat.

Terima Kasih.

